



MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن

TAHFIZ
KEPIMPINAN

NADI AL-FATEH

(EDISI JUN 2025)

Disediakan untuk:
PARA PENYUMBANG

Disediakan oleh:
JABATAN DANA & ZAKAT



***SYAHADAH ULA
PERINGKAT TERTINGGI
HAFAZAN AL-QURAN
PELAJAR KE-9***

PENCAPAIAN PELAJAR I HADIF, SYAHADAH ULA KE-9

Pada 23 Jun 2025, Muhammad Hadif bin Mohd Shamir, berjaya menamatkan Syahadah Ula iaitu pengiktirafan tertinggi dalam hafazan al-Quran, dalam tempoh 18 jam 15 minit dengan hanya satu kesalahan bacaan, sekaligus menjadi pelajar ke-9 Maahad Tahfiz Al-Fateh yang mencapai tahap ini.

Pencapaian ini mencerminkan kesungguhan Hadif serta doa dan sokongan berterusan daripada keluarga dan guru. Semoga terus istiqamah membawa cahaya al-Quran kepada ummah.



PENCAPAIAN PELAJAR | 23 JUN 2025

HADIF, SYAHADAH ULA KE-9



Gambar sekitar Majlis Syahadah Ula: Muhammad Hadif bin Mohd Shamir

PENCAPAIAN PELAJAR I HADIF, SYAHADAH ULA KE-9

Pelajar Maahad Tahfiz Al-Fateh berjaya tamat Syahadah Ula

HULU SELANGOR – Kejayaan luar biasa direkodkan seorang pelajar Maahad Tahfiz Al-Fateh di sini apabila berjaya menamatkan Syahadah Ula iaitu pengiktirafan tertinggi dalam hafazan al-Quran, dalam tempoh 18 jam 15 minit dengan hanya satu kesalahan bacaan.

Muhammad Hadif Mohd Shamir, 16, yang merupakan barisan kepimpinan pelajar sesi 2024/2025, mencipta sejarah peribadi pada 23 Jun lalu di hadapan guru-guru bertauliah di institusi terletak di Batang Kali itu.

Mudir Maahad Tahfiz Al-Fateh, Ahmad Lutfi Paridin berkata, Syahadah Ula merupakan satu bentuk pengiktirafan tertinggi dalam bidang hafazan al-Quran yang menandakan seseorang telah berjaya menghafaz keseluruhan 30 juzuk al-Quran dengan sempurna dan melalui ujian hafazan dalam tempoh sehari dengan tidak melebihi 10 kesalahan.

"Majlis pengesahan hafazan itu turut dihadiri kedua ibu bapanya yang menyaksikan dengan penuh rasa syukur dan bangga.

"Suasana bertukar penuh emosi apabila Muhammad Hadif dipeluk erat ahli keluarganya sebaik sahaja selesai sesi pengesahan hafazan," katanya



MUHAMMAD HADIF

pada Rabu.

Menurut beliau, kejayaan itu bukan sahaja hasil ketekunan dan usaha gigih Muhammad Hadif, malah menjadi simbol pengorbanan besar ibu bapanya dalam mendidik anak mengikut acuan Islam dan menuju reda Allah.

Ujarnya, kejayaan tersebut menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk terus berusaha menjadi hafiz yang bukan sahaja menghafaz, tetapi turut menghayati dan menyampaikan al-Quran kepada masyarakat.

"Diharapkan Muhammad Hadif dan para huffaz yang lain terus maju dalam perjalanan ilmu dan kepimpinan, seterusnya menyumbang kepada pembangunan ummah melalui al-Quran," katanya.

Tambah beliau, Maahad Tahfiz Al-Fateh yang kini mempunyai 97 pelajar lelaki dan perempuan, berwawasan melahirkan huffaz berkepimpinan yang sejahtera rohani serta jasmani.

Katanya, orang ramai yang ingin menyokong usaha itu boleh menyumbang melalui akaun Agrobank 1005 4810 0007 7483 atas nama Maahad Tahfiz Al-Fateh atau melayari laman sesawang rasmi <https://alfateh.edu.my> serta Facebook Maahad Tahfiz Al Fateh dan TikTok dunia_alfateh.



Keratan Akhbar Sinar Harian
bertarikh 3 Julai 2025

Hantaran Siakap Keli
bertarikh 25 Jun 2025

KORBAN AL-FATEH 1446H
MALAYSIA & KEMBOJA

KORBAN AL-FATEH I JUN 2025

PELAKSANAAN IBADAH KORBAN

Alhamdulillah, program Korban Al-Fateh tahun ini telah dilaksanakan dengan jayanya di dua lokasi: Malaysia dan Kemboja.



Korban di Kemboja

Di Kemboja, dua ekor lembu disembelih pada 7 Jun 2025 (Sabtu) dengan kerjasama Madrasah An-Nikmah Al-Islamiyyah, Rakapopram. Daging korban diagihkan kepada golongan asnaf dan komuniti Islam setempat.



Korban di Malaysia

Di Malaysia, penyembelihan dilakukan pada 8 Jun 2025 (Ahad) di dua lokasi – Negeri Sembilan (pagi) dan Hulu Selangor (tengah malam). Agihan daging disalurkan kepada pelajar dan komuniti sekitar Maahad.

Pihak Maahad Tahfiz Al-Fateh merakamkan penghargaan kepada semua peserta korban atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan. Semoga ibadah korban ini diterima Allah sebagai amalan soleh dan menjadi bekal berterusan di akhirat.

KORBAN AL-FATEH | JUN 2025

PELAKSANAAN IBADAH KORBAN



Gambar sekitar pelaksanaan ibadah korban di Malaysia dan Kemboja

KORBAN AL-FATEH | JUN 2025

AGIHAN DAGING KORBAN



Gambar agihan daging korban kepada penduduk sekitar Batang Kali

***MAJLIS TILAWAH & HAFAZAN
AL-QURAN 1446H
PERINGKAT DAERAH
HULU SELANGOR***

PENYERTAAN PELAJAR | PERINGKAT DAERAH 2025

MAJLIS TILAWAH & HAFAZAN AL-QURAN HULU SELANGOR



Beberapa orang pelajar Maahad Tahfiz Al-Fateh telah terpilih menyertai Majlis Tilawah & Hafazan al-Quran Peringkat Daerah Hulu Selangor yang berlangsung pada 24-25 Jun 2025 di Pejabat Agama Islam, Kuala Kubu Bharu.

2 orang pelajar Al-Fateh telah berjaya meraih tempat kedua dalam kategori masing-masing:

- ✓ Haryz Irfan
- Hafazan Tahap 1 (1-10 Juzuk)
- ✓ Muhd Hadif
- Hafazan Tahap 3 (1-30 Juzuk)

Penyampaian hadiah akan berlangsung pada Majlis Penutupan Rasmi MTHQ pada 17 Julai 2025 di Hulu Bernam. Tahniah diucapkan atas pencapaian yang membanggakan!

PENYERTAAN PELAJAR | PERINGKAT DAERAH 2025 MAJLIS TILAWAH & HAFAZAN AL-QURAN HULU SELANGOR



Gambar sekitar Majlis Tilawah & Hafazan Al-Quran Daerah Hulu Selangor

PROGRAM AL-FATEH
JUN 2025

PROGRAM AL-FATEH | 2 JUN 2025

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH



Kursus ini memberi pendedahan langsung kepada pelajar mengenai tatacara lengkap pengurusan jenazah, bermula dari memandikan hingga mengkafankan dan solat jenazah. Ia mengajar erti kepimpinan dan peranan seorang Muslim dalam membantu masyarakat saat paling memerlukan.



PROGRAM AL-FATEH | 4 JUN 2025

KURSUS LADAP GURU AL-FATEH

LADAP
MELAHIRKAN GENERASI HUFFAZ :
**PERANAN DAN CIRI SEORANG
MURABBI**

4 JUN, 2025 11:00AM-01:00PM



Pengisi:
USTAZ MOHD ASRI

DEWAN UTAMA MAAHAD
TAHFIZ AL-FATEH

Dikuasakan : 

Kursus LADAP Guru bertajuk "Melahirkan Generasi Huffaz" memberi penekanan kepada peranan guru sebagai murabbi dalam membentuk pelajar yang menghafaz dan menghayati al-Quran.



PROGRAM AL-FATEH | 14 JUN 2025

BENGGKEL TEKNIK MENJAWAB MATEMATIK SPM



Bengkel ini bertujuan membantu pelajar memahami format soalan, teknik menjawab yang efektif serta tips menjana markah maksimum dalam kertas Matematik SPM. Pelajar didedahkan kepada soalan-soalan sebenar dan strategi penyelesaian secara langkah demi langkah.



PROGRAM AL-FATEH | 25-27 JUN 2025

MUKHAYYAM KHARIJI

Program Mukhayyam Khariji ini melibatkan pelajar Maahad Tahfiz Al-Fateh dan Maahad Tahfiz Turath Al-Juwaini. Mukhayyam (perkemahan) ini bertujuan membina ukhuwah, semangat lasak, serta melatih fizikal dan kepimpinan pelajar dalam suasana luar bilik darjah.

Pelajar lelaki berkampung di Teratak Tok Alang, Batang Kali, manakala pelajar perempuan menjalani aktiviti sekitar sekolah.


Aktiviti melibatkan elemen lasak dan survival seperti jungle trekking, war game, berkuda, memanah, asas perkemahan dan memasak.

Program ini telah berjaya mengasah potensi pelajar dalam aspek disiplin, kerjasama dan daya tahan fizikal serta mental.



PROGRAM AL-FATEH | 25-27 JUN 2025


MUKHAYYAM KHARIJI



Gambar sekitar Mukhayyam Khariji

PROGRAM AL-FATEH | 29 JUN 2025

TEROKA LUKISAN



Aktiviti ini memberi ruang kepada pelajar untuk mengekspresikan potensi dan bakat melalui lukisan, selain memahami pengajaran dan nilai daripada pengalaman Mukhayyam Kharaji 2025. Ia turut merangsang keyakinan diri dan semangat kepimpinan dalam kalangan peserta.


LAPORAN
PROJEK PEMBANGUNAN
JUN 2025

PROJEK PEMBANGUNAN I BANGUNAN HAFIZAH FASA 1

Alhamdulillah, penghujung Jun menyaksikan kerja-kerja konkrit diteruskan dengan fokus kepada bahagian beam bumbung, tangki air serta sambungan tembok penahan bagi Fasa 1 dan 2. Anggaran sebanyak 26m³ konkrit G30 digunakan bagi memastikan struktur kekal kukuh dan selamat.

Dengan perkembangan ini, struktur utama bangunan hampir lengkap sepenuhnya. Kini, hanya struktur tangga 3 dan 4 yang masih dalam perancangan untuk disempurnakan dalam fasa seterusnya.

Setiap kemajuan yang dicapai ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan, sumbangan dan doa daripada para penyumbang yang budiman. Semoga segala yang dikongsi menjadi saham akhirat yang terus mengalir, dan memberi manfaat kepada generasi huffaz wanita yang bakal lahir daripada bangunan ini, inshaAllah.



PROJEK PEMBANGUNAN | JUN 2025

BANGUNAN HAFIZAH FASA 1



KOD QR KEMPEN DANA 2025

SUMBANGAN
ASRAMA HAFIZAH



SUMBANGAN
PERALATAN SEKOLAH



SEDEKAH JUMAAT



SUCIHARTA.COM



TAJAJAN PENDIDIKAN
PELAJAR ASNAF





TUNAIKAN ZAKAT SEKARANG

Kami merupakan Penolong Amil Zakat
Selangor yang berdaftar secara sah.



**TUNAI
ZAKAT**



MAAHAD TAHFIZ
AL-FATEH
معهد الفاتح لتحفيظ القرآن



www.tunaizakat.my

MAKLUMAT TAHFIZ



Nama Sekolah

Maahad Tahfiz Al-Fateh



Alamat

Lot 922, Sungai Bertam, Jalan Belakang Pusat
Pertanian, 44300 Batang Kali, Selangor



No. Pendaftaran

JLD.8(59) BZH 5024



No. Telefon

+60 17 - 472 4352 (Dana)



E-mel

tahfizalfateh15@gmail.com



Akaun Bank

Agrobank



No Akaun Bank

1005 4810 0007 7483



Media Sosial

facebook.com/tahfizalfateh | instagram.com/tahfizalfateh



Laman Sesawang

www.alfateh.edu.my



MAAHAD TAHFIZ AL-FATEH